



Ruj. Kami: P.K.N.A. 1/20-1 Jld.3 ( 38 )  
Bertarikh: 20 Ramadhan , 1431H  
30 Ogos , 2010

Ke Majlis,

Semua Pegawai Pengawal  
Negeri Kelantan

Dato'/Tuan,

**PERINGATAN MENGENAI PENDAHULUAN DIRI**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2001 dan Bilangan 7 Tahun 2002 telah menetapkan tatacara mengenai Pendahuluan Diri.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita supaya peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:-
  - 3.1. Permohonan Pendahuluan Diri dikemukakan tidak lewat daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh Pendahuluan Diri tersebut perlu digunakan.
  - 3.2. Tidak ada pembelian/perkhidmatan yang boleh dibuat menggunakan Pesanan Kerajaan (L.O.) dipohon Pendahuluan Diri.
  - 3.3. Pelarasan/Penyelesaian Pendahuluan Diri dibuat dalam tempoh satu (1) bulan.
  - 3.4. Jika tujuan Pendahuluan Diri diambil telah ditangguhkan atau dibatalkan, wang Pendahuluan Diri perlu dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Saya yang menuruti perintah,

  
**(DATO' HAJI MOHD. FAUZI BIN HAJI CHE MAMAT)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan.

S.K:

Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan  
Yang Berusaha Bendahari Negeri